

01/11/1998

Perdana Menteri selar tindakan penyokong Anwar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri berkata tindakan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu menggulingkan kerajaan bagi menghalang bekas Timbalan Perdana Menteri itu daripada dibicarakan atas tuduhan jenayah terhadapnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bercakap kepada Reuters dalam satu temu ramah semalam, berkata hakim dan saksi dalam kes ini menerima ancaman.

"Ada orang yang menelefon mengancam hakim dan orang lain, mengugut saksi dan ini bukan keadilan.

"Orang tertentu tidak sepatutnya mengancam atau mengganggu tugas hakim, kalau pun dengan kehadiran mereka saja," katanya.

Anwar yang dipecat pada 2 September lalu dan ditahan 18 hari kemudian, mengaku tidak bersalah di atas 10 tuduhan meliwat dan rasuah.

Perbicaraannya di Mahkamah Tinggi bermula esok.

Dr Mahathir ditanya jika bantahan antikerajaan mempengaruhi perbicaraan itu.

"Mereka cuba menunjuk perasaan kerana matlamat mereka adalah untuk menghalang perbicaraan melalui tunjuk perasaan ganas," kata Dr Mahathir, yang bercakap dengan Reuters sempena perasmian pejabat baru agensi itu.

"Mereka berharap kerajaan tumbang dan jika kerajaan jatuh, perbicaraan tidak diadakan, malah semua pertuduhan terhadapnya tidak akan didengar."

Dr Mahathir yang mengatakan beliau akan menunggu sehingga tahun depan sebelum memutuskan untuk meletak jawatan, berkata tidak wajar untuk Presiden Filipina Joseph Estrada melawat Anwar di penjara kerana ia akan hanya mempengaruhi mahkamah.

Estrada menyebut beliau akan cuba melawat Anwar di penjara ketika hadir untuk sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini, pada pertengahan bulan ini.

"Beliau boleh melawat Anwar pada waktu lain bukan ketika Apec, atau ketika perbicaraan sedang berlangsung terhadapnya kerana ia mengganggu kelicinan mahkamah," katanya.

Menurutnya, penyokong Anwar mahu membicarakan sendiri hakim dan mahkamah negara. "Mereka bukan berminat dengan Anwar tetapi membuat kesimpulan terlebih dulu bekas timbalan perdana menteri itu tidak akan dibicarakan dengan adil. Perbuatan itu tidak benar."

(END)